BIJAK BUAT KEPUTUSAN

- Hasrat Suraya pada bulan Ogos.

Keperluan	Kehendak
Nasi	Nasi Tomato
Kasut sekolah	Kasut sukan berjenama
Keutamaan Suraya untuk membeli kasut sukan berjenama.	

- Suraya ingin membuat latihan lompat tinggi. Kasut sukan berjenama memberi keselesaan dan tahan lama.
- Suraya anggarkan harga kasut sukan berjenama RM150. Wang simpanan Suraya ada RM50. Suraya perlu berusaha mengumpulkan wang sebelum bulan Ogos.

Harga kasut sukan	Jumlah wang sedia ada	Jumlah wang diperlukan	Jumlah wang yang perlu disimpan sebulan	Tempoh yang ingin dicapai	Cara untuk kumpul wang lebih banyak
RM150	RM50	RM100	RM50	2 bulan	1. Upah jual kuih 2. Upah cuci kereta 3. Jual surat khabar lama 4. Jual barangan terpakai

Lengkapkan jadual di bawah. Pastikan tulis nilai sen. **(Contoh : RM82.00)**

Tarikh	Dapat wang		Belanja		Baki
02.06	Wang semasa	RM50.00	Tiada	RM0.00	RM50.00
15.06	Upah jual kuih	RM24.00	Tiada	RM0.00	
23.06	Tiada	RM0.00	Alat tulis	RM15.00	
28.06	Upah cuci kereta	RM41.00	Tiada	RM0.00	
05.07	Jual surat khabar	RM35.00	Tiada	RM0.00	
14.07	Tiada	RM0.00	Buku latihan	RM10.00	
26.07	Jual barangan terpakai	RM60.00	Derma tabung	RM5.00	

Adakah Suraya berjaya membeli kasut sukan berjenama? Tuliskan Ya atau Tidak.

LIVEWORKSHEETS